



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI



PIAWAIAN PROSEDUR OPERASI eSijil 3P (*Standard Operating Procedures (SOP) eSijil 3P*)

PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN
PENGIMPORTAN DAN PENGEKSPORTAN KELUARAN PERTANIAN
DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (PENGGREDAN, PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN
KELUARAN PERTANIAN) 2008

1.0 Pengenalan

Skop bagi pelaksanaan piawaian ini merangkumi Perakuan Pematuhan Keluaran Pertanian import dan eksport oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) secara elektronik iaitu melalui sistem eSijil 3P.

SOP ini disediakan sebagai satu rujukan untuk membolehkan pelaksanaan ini berjalan dengan lancar. Ia boleh dipinda mengikut keadaan semasa bergantung kepada keperluan-keperluan baru jika dikenalpasti.

1.1 Latarbelakang

FAMA telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras aktiviti-aktiviti pemasaran pertanian sama ada melibatkan pihak swasta atau jabatan/agensi kerajaan dan ianya menjurus kepada pemasaran keluaran pertanian yang segar, berkualiti serta selamat dimakan. Berpandukan fungsi berkenaan, FAMA telah memperkenalkan program Amalan GPL iaitu Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan, untuk diperlakukan dalam semua peringkat urusan pemasaran hasil-hasil pertanian di pasaran tempatan dan juga eksport.

Lanjutan daripada itu, program Amalan GPL FAMA telah diwartakan menjadi Undang-Undang Malaysia pada 18hb Ogos 2008 sebagai Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

Melalui amalan penggredan dan pembungkusan yang baik, kualiti keluaran pertanian dapat dipertingkatkan berdasarkan permintaan pelanggan dan juga sektor pasaran di samping memberikan pulangan yang lebih baik kepada pengeluar. Amalan pelabelan pula akan membekalkan maklumat sumber bekalan yang lengkap dan tepat sebagai jaminan keselamatan makanan di dalam penguatkuasaan Akta Makanan 1983.

1.2 Terminologi

1.2.1 “GPL” merujuk kepada Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 yang mengandungi perkataan-perkataan “**Penggredan**”, “**Pembungkusan**” dan “**Pelabelan**”. Bagi memudahkan menyebut peraturan ini perkataan “**GPL**” digunakan.

1.2.2 “Gred” merujuk kepada spesifikasi gred Malaysian Standard (MS). Jika sesuatu keluaran pertanian tiada spesifikasi MS, standard gred negara asal hendaklah diguna pakai atau suatu standard gred yang dinyatakan oleh FAMA dari semasa ke semasa.

1.2.3 “Bungkusan” merujuk kepada kehendak pembungkusan seperti berikut:

- Bungkusan mempunyai ukuran bersesuaian dengan kuantiti keluaran pertanian yang dibungkus;
- Mengandungi keluaran pertanian daripada jenis dan standard gred yang sama;
- Tidak melebihi 30 kilogram;
- Memenuhi ciri-ciri kualiti, kebersihan dan ketahanan supaya memberi perlindungan yang maksimum daripada apa-apa kerosakan kepada keluaran pertanian semasa pengendalian dan pengangkutan;
- Diperbuat daripada bahan yang tidak boleh memberi kesan buruk kepada keluaran pertanian yang dibungkus di dalamnya; dan
- Sesuatu pembungkusan yang telah ditanda/dilekat padanya dan hendak digunakan semula, mestilah

dipadam dan ditanggalkan label sedia ada sebelum digunakan.

1.2.4 "Label" merujuk kepada sesuatu label, sama ada ditandakan atau dilekat mengikut kehendak-kehendak seperti berikut:-

- Bersaiz **TIDAK** kurang dari 11sm x 7sm;
- Dilekat/diletakkan dengan kemas dan mudah dilihat di permukaan atas atau sisi bungkusan; dan

Label hendaklah mengandungi butir-butir kebolehkesanan seperti berikut:-

- Nama dan alamat perniagaan pengimport, pengeksport, ejen, pengeluar atau pengedar, mengikut mana-mana yang berkenaan, keluaran pertanian;
- Nama biasa keluaran pertanian;
- Standard gred keluaran pertanian;
- Saiz keluaran pertanian;
- Negara asal keluaran pertanian;
- Berat bungkusan keluaran pertanian; dan
- Perkataan "Produce of Malaysia", jika keluaran pertanian itu hendak dieksport.

Butir-butir tersebut hendaklah ditanda:-

- Supaya mudah dibaca dan tahan lama;
- Saiz huruf TIDAK kecil daripada 20 poin;
- Dalam Bahasa Kebangsaan dan boleh termasuk apa-apa terjemahan dalam apa-apa bahasa lain (bagi pasaran tempatan);

- Dalam Bahasa Inggeris dan boleh termasuk apa-apa terjemahan dalam apa-apa bahasa lain (bagi keluaran pertanian dieksport); dan
- Dalam Bahasa Kebangsaan (bagi keluaran pertanian diimport)

1.2.5 Jenis-jenis komoditi yang dikehendaki mematuhi GPL adalah seperti berikut:-

- Sayur-sayuran segar
- Buah-buahan segar
- Keratan bunga segar
- Kekacang
- Kekeras
- Bijirin
- Tebu

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pertama (Peraturan 2) Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

1.2.6 “CoC” merujuk kepada Sijil Perakuan Pematuhan Keluaran Pertanian yang dieksport/diimport (*Certification of Conformity of Agricultural Produce for Export/Import*). CoC bagi tujuan eksport akan dikeluarkan oleh pihak FAMA. Walau bagaimanapun bagi tujuan import MAQIS yang akan membuat pengeluaran CoC bagi pihak FAMA kecuali di Sabah dan Sarawak. Contoh CoC seperti Lampiran A.

- 1.2.7 "EL" Merujuk kepada Surat Pengecualian Keluaran Pertanian yang dieksport/diimport (*Exemption Letter*).
- 1.2.8 "Pengguna" merujuk kepada pengimpor, pengeksport dan ejen-ejen yang berdaftar dengan eSijil 3P.
- 1.2.9 "Teknikal" merujuk kepada item-item yang berkaitan dengan sistem komputer termasuk perkakasan, perisian, pangkalan data dan rangkaian komunikasi.

1.3 Rujukan Undang-Undang

- 1.3.1 Akta FAMA 1965 (Pindaan 2012) [Akta 141]
- 1.3.2 Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008
- 1.3.3 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017
- 1.3.4 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017
- 1.3.5 Akta Perkhidmatan Kuaratin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) 2011 [Akta 728]

2.0 Objektif

Menentukan setiap keluaran pertanian yang diimport dan dieksport mematuhi kehendak-kehendak penggredan, pembungkusan dan pelabelan.

3.0 Prosedur Pengimportan/Pengeksportan Keluaran Pertanian:

- 3.1 Pengimportan keluaran pertanian seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat, Bahagian II, Item 9 di ruang (2) dan (3), Perintah Kastam

(Larangan Mengenai Import) 2017 yang berasal dari semua negara adalah dilarang kecuali dengan cara yang diperuntukkan dalam ruang (5) Jadual tersebut.

3.2 Pengeksportan keluaran pertanian seperti yang dinyatakan Jadual Ketiga, Bahagian I, Item 27 di ruang (2) dan (3), Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017 yang berasal dari Malaysia adalah dilarang kecuali dengan cara yang diperuntukkan dalam ruang (5) Jadual tersebut.

3.3 Setiap pengimportan dan pengeksportan keluaran pertanian seperti yang dinyatakan dalam perintah tersebut di atas hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:

- Sijil Perakuan Pematuhan (CoC); atau
- Surat Pengecualian (EL) daripada FAMA

Seksyen A
Prosedur Operasi Piawai (SOP)

1.0 Penggunaan Sistem

1.1 Pendaftaran Penggunaan Sistem Secara Online

1.1.1 Pengguna perlu mendaftar di sistem eSijil 3P (<http://www.e3p.fama.gov.my>) atau (<http://www.e3p.fama.my>), atau (<http://www.e3p.my>) untuk mendapatkan nama pengguna dan katalaluan.

1.1.2 Pengguna perlu memuatnaik dokumen yang diperlukan ke dalam sistem untuk penyemakan oleh pihak FAMA. Dokumen yang diperlukan adalah: -

- Sijil Pendaftaran Syarikat atau
- Sijil Pendaftaran Perniagaan atau
- Sijil Pendaftaran Pertubuhan

1.1.3 Permohonan pendaftaran sistem eSijil 3P boleh dikemukakan oleh pemohon secara online dalam masa 24 jam setiap hari, tujuh hari seminggu.

1.1.4 Pendaftaran sistem eSijil 3P akan disemak dan diluluskan oleh pegawai FAMA mengikut hari dan waktu bekerja pejabat.

1.1.5 Pendaftaran sistem eSijil 3P yang diterima selepas pukul 5.00 petang mengikut hari dan waktu bekerja pejabat akan diproses pada hari dan waktu bekerja pejabat yang berikutnya.

1.1.6 Pendaftaran sistem eSijil 3P tidak akan diproses pada hari cuti rehat (Sabtu dan Ahad) dan hari kelepasan am (cuti umum)

1.2 Permohonan CoC Eksport Keluaran Pertanian

Permohonan CoC Eksport Secara Online

- 1.2.1 Pengeksport atau ejen hendaklah memohon CoC secara online melalui sistem eSijil 3P sebelum pengeksportan keluaran pertanian dijalankan.
- 1.2.2 Permohonan secara online hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) bekerja sebelum Tarikh Dijangka Bertolak (ETD – "Estimated Time of Departure") bagi eksport.
- 1.2.3 Jika permohonan kurang daripada 1 hari (24 jam) bekerja, kadar Fi yang dikenakan tertakluk kepada Bahagian 2 Jadual Keempat Peraturan GPL.
- 1.2.4 Permohonan CoC eksport secara online melalui sistem eSijil 3P akan disemak dan diluluskan oleh pegawai FAMA mengikut kelaziman hari dan waktu bekerja anjal operasi pejabat FAMA setempat yang berkenaan.
- 1.2.5 Pemohon akan dimaklumkan mengenai status permohonan melalui email dan juga sistem eSijil 3P secara online.
- 1.2.6 Pembayaran Fi pemeriksaan pematuhan boleh dibuat secara online. Kadar Fi yang dikenakan adalah mengikut Jadual Ketiga dan Jadual Keempat Peraturan GPL.
- 1.2.7 Setelah pembayaran secara online dilakukan:
 - a. Permohonan akan disahkan oleh pegawai FAMA jika tidak memerlukan pemeriksaan fizikal.
 - b. Jika permohonan terpilih untuk pemeriksaan fizikal, pegawai FAMA akan melakukan pemeriksaan di premis yang diuruskan

oleh FAMA atau premis pengguna pada tarikh dan masa yang dipohon oleh pengguna.

- 1.2.8 Jika permohonan tidak memenuhi Peraturan GPL, FAMA berhak menolak permohonan tersebut. Pengguna boleh membuat permohonan semula secara online.
- 1.2.9 CoC akan dikeluarkan secara online bagi permohonan yang memenuhi Peraturan GPL.
- 1.2.10 Pengguna boleh membuat pengisyntiharan/pengikraran barang-barang secara elektronik kepada SMK (Sistem Maklumat Kastam) menggunakan modul perisian K2 ('front-end software') yang dibekalkan oleh pihak Dagang Net (DNT)
- 1.2.11 Di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, pegawai MAQIS akan membuat pemeriksaan fizikal keluaran pertanian berdasarkan kepada maklumat di dalam CoC untuk pelepasan eksport di pintu masuk/keluar negara. Manakala di Sabah dan Sarawak akan dibuat oleh pegawai FAMA.
- 1.2.12 Syarat-syarat tambahan bagi permohonan eksport secara online melalui sistem eSijil 3P
 - CoC dikeluarkan mengikut kategori keluaran pertanian.
 - Kategori keluaran pertanian yang berlainan hendaklah mendapatkan CoC yang berasingan.
 - CoC yang dikeluarkan hanya sah digunakan bagi sekali pengeksportan sahaja.

1.3 Permohonan CoC Import Keluaran Pertanian

Permohonan CoC Import Secara Online

- 1.3.1 Pengimport atau ejen hendaklah memohon CoC secara online melalui sistem eSijil 3P sebelum pengimportan keluaran pertanian dijalankan.
- 1.3.2 Permohonan CoC import secara online melalui eSijil 3P akan disemak dan diluluskan oleh pegawai MAQIS pada hari dan waktu operasi pejabat MAQIS di pintu masuk / keluar negara seperti yang ditetapkan. Manakala di Sabah dan Sarawak di laksanakan oleh pegawai FAMA.
- 1.3.3 Permohonan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 hari (72 jam) bekerja sebelum Tarikh Dijangka Sampai (ETA - "Estimated Time of Arrival") bagi import.
- 1.3.4 Pemohon perlu mengemukakan dokumen di pintu masuk / keluar negara untuk penyemakan oleh pegawai MAQIS bagi Semananjung Malaysia dan Labuan. Manakala di Sabah dan Sarawak oleh pegawai FAMA. Dokumen yang diperlukan adalah:
 - - Sijil Pengesahan Gred Negara Pengeksport
 - Permit Import
 - Inbois
 - "Bill of Lading/Airway Bill"
 - Manifest (jika perlu)
 - Borang Kastam No. 1 (K1)
 - Dokumen-dokumen lain bagi menyokong permohonan

Pihak MAQIS atau FAMA berhak menolak jika permohonan tidak lengkap.

- 1.3.5 Pengguna akan dimaklumkan status permohonan melalui email dan sistem eSijil 3P.
- 1.3.6 Pembayaran Fi pemeriksaan pematuhan boleh dibuat secara online. Kadar Fi yang dikenakan adalah mengikut Jadual Ketiga dan Jadual Keempat Peraturan GPL.
- 1.3.7 Setelah pembayaran dilakukan, jika perlu Pegawai MAQIS atau FAMA akan melakukan pemeriksaan fizikal.
- 1.3.8 Pemeriksaan akan dilakukan oleh Pegawai MAQIS atau FAMA di pintu masuk. MAQIS atau FAMA berhak menolak dan mlarang kemasukan dagangan yang tidak mematuhi Peraturan GPL.
- 1.3.9 CoC akan dikeluarkan bagi permohonan yang memenuhi Peraturan GPL.
- 1.3.10 Jika memerlukan permit, sistem akan menghantar maklumat eSijil 3P ke sistem ePermit dan pengguna boleh melengkapkan maklumat permit di sistem ePermit.
- 1.3.11 Pegawai MAQIS atau FAMA akan mengeluarkan CoC untuk pelepasan import.
- 1.3.12 Syarat-syarat tambahan bagi permohonan import melalui Sistem eSijil 3P
 - CoC dikeluarkan mengikut kategori keluaran pertanian.

- Kategori keluaran pertanian yang berlainan hendaklah mendapatkan CoC yang berasingan.
- CoC yang dikeluarkan hanya sah digunakan bagi sekali kemasukan sahaja.

2.0 Surat Pengecualian (*Letter of Exemption*):

2.1 Permohonan eksport

Pengeksport boleh memohon kepada FAMA **Surat Pengecualian Keluaran Pertanian Yang Dieksport / Letter of exemption agriculturl produce for export (EL)** bagi mana-mana keluaran pertanian yang tidak tertakluk di bawah Peraturan GPL tetapi tersenarai dalam kod tariff di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport). Borang permohonan EL ini boleh dimuat turun dalam sistem eSijil 3p. (*Export – Manual Exemption Form*).

2.2 Permohonan Import

Pengimportan di Sabah dan Sarawak, EL boleh di mohon kepada pihak FAMA bagi mana-mana keluaran pertanian yang tidak tertakluk di bawah Peraturan GPL tetapi tersenarai dalam kod tariff di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import). Borang permohonan EL ini boleh dimuat turun dalam sistem eSijil 3P. (*Import – Manual Exemption Form*).

Pengimportan ke Semenanjung Malaysia dan WP Labuan EL di kecualikan.

Seksyen B

Prosedur "Fallback"

1.0 Makluman jika berlaku gangguan kepada sistem

- 1.1 Sekiranya berlaku gangguan kepada sistem eSijil 3P, pihak Dagang Net iaitu Pusat Perkhidmatan Pelanggan ("Careline") akan memaklumkan kepada semua pihak yang terlibat samada melalui faks, sistem pesanan ringkas ("sms") atau email.
- 1.2 Pihak "Careline" juga akan menghantar notis kepada semua pihak terlibat jika gangguan kepada sistem telah pulih sepenuhnya.
- 1.3 Bagi mendapatkan servis "sms", semua pihak terlibat perlu mendaftarkan no telefon bimbit dengan pihak "Careline".

2.0 Permohonan Sijil Perakuan Pematuhan secara manual kerana gangguan sistem.

Permohonan Sijil Perakuan Pematuhan secara manual hanya akan dibenarkan jika terdapat salah satu daripada gangguan-gangguan seperti berikut:

- 2.1 Pihak FAMA menghadapi masalah dengan talian komunikasi untuk mencapai ("access") Sistem eSijil 3P seperti berikut:

Mod Udara – 15 minit
Mod Darat – 15 minit
Mod Laut – 30 minit

2.2 Pihak Dagang Net menghadapi masalah dengan talian komunikasi atau rangkaian sistem komputer seperti berikut:

Mod Udara – 15 minit

Mod Darat – 15 minit

Mod Laut – 30 minit

2.3 Pihak pengguna menghadapi masalah teknikal seperti berikut:

Mod Udara – 15 minit

Mod Darat – 15 minit

Mod Laut – 30 minit

Pengguna perlu menghubungi pihak Careline bagi mendapatkan surat sokongan permohonan secara manual.

3.0 Pengeluaran Sijil Perakuan Pematuhan secara manual kerana gangguan sistem.

3.1 Pemohon hendaklah mengisi borang PK3 (eksport) untuk dibawa ke pejabat FAMA setempat / tempatan.

3.2 Pemohon hendaklah mengisi borang PK4 (import) untuk dibawa ke pejabat MAQIS di pintu masuk.

3.3 Setiap permohonan yang dihantar untuk mendapatkan tandatangan daripada pegawai FAMA perlu disertakan dokumen-dokumen berikut:

Dokumen Eksport:-

- Borang Kastam no.1 (K1) bagi eksport semula sahaja

- Sijil Tempasal (Certificate of Origin) semasa pengimportan bagi eksport semula
- Permit Eksport
- Dokumen-dokumen lain bagi menyokong permohonan

Dokumen Import:-

- Sijil Pengesahan Gred Negara Pengeksport
- Permit Import
- Inbois
- Bill of Lading/Airway Bill
- Manifest (jika perlu)
- Borang Kastam No. 1 (K1)
- Dokumen-dokumen lain bagi menyokong permohonan

3.4 Permohonan Sijil Perakuan Pematuhan untuk eksport, tandatangan boleh diperolehi daripada Pegawai FAMA Daerah setempat / tempatan.

3.5 Permohonan Sijil Perakuan Pematuhan untuk import, tandatangan boleh diperolehi daripada pegawai MAQIS di pintu masuk.

3.6 Setiap permohonan yang dihantar untuk mendapatkan kelulusan secara manual kerana gangguan sistem daripada pihak FAMA/MAQIS, nombor Sijil Perakuan Pematuhan manual akan diberikan.

3.7 Permohonan yang telah diluluskan secara manual kerana gangguan sistem akan ditaip semula ke dalam sistem eSijil 3P oleh pihak FAMA/MAQIS.

3.8 Hanya pegawai FAMA/MAQIS yang diberi kuasa boleh mengeluarkan Sijil Perakuan Pematuhan secara manual apabila berlaku gangguan sistem.

4.0 Sebarang masalah berkaitan dengan sistem, sila hubungi:

Dagang Net Technologies Sdn Bhd

Tower 3, Avenue 5, The Horizon,
No. 8, Jalan Kerinchi, Bangsar South,
59200 Kuala Lumpur.

Careline (24 jam)

Tel: 1300 133 133

Talian Antarabangsa: +603-48194800

Fax: +603 2713 2990

Email: careline@dagangnet.com

Web Careline: <http://www.dagangnet.com>

Waktu Beroperasi: 24 jam (7 hari seminggu)

Ibu pejabat FAMA

Bangunan FAMA Point
Lot 17304 Jalan Persiaran Satu
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves Selangor

No Telefon: +603-61262020

No. Fax: +603-61383650

Email: 3p@fama.gov.my / coc.info@fama.gov.my

Laman Web: <http://www.fama.gov.my>

FAMA

Puan Asmizal binti Jaafar

No. Telefon: +603-61264003

Email: asmizal@fama.gov.my

FAMA Desk Officers

1. Puan Fairosnisa binti Md Desa

No. Telefon: +603-61264032

Email: fairosnisa@fama.gov.my

2. Encik Mohd Nazam bin Hussin

No. Telefon: +603-61264056

Email: nazam_hussin@fama.gov.my

3. Encik Mohd Azuan bin Mohd Amir (pentadbir system)

No. Telefon: +603-61264051

Email: mohdazuan@fama.gov.my

4. Puan Siti Hamizah binti Abdul Hamid

No. Telefon: +603-61264052

Email: sitihamizah@fama.gov.my

MAQIS**Timb. Ketua Pengarah**

Dr. Azhari Sharidan bin Abu Bakar

No. Telefon: + 603-8870 8012

Email: azhari@maqis.gov.my

KASTAM**Timb. Pengarah Kastam (IEKS)**

Encik Mohamad Azhar Bin Ahmad Paharazi

No. Telefon: +603-88822332

Email: azhar.paharazi@customs.gov.my

1300 888 500 (Customs Call Centre)

Lampiran A

No. Sijil: STB181019EJ100436



Jadual Kelima
(Peraturan 8 dan 10)
Fifth Schedule
(Regulation 8 and 10)



PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(PENGGREDAN, PEMBUGKUSAN DAN PELABELAN KELUARAN PERTANIAN) 2008
FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY
(GRADING, PACKAGING AND LABELLING OF AGRICULTURAL PRODUCE) REGULATIONS 2008

SIJIL PERAKUAN PEMATUHAN KELUARAN PERTANIAN YANG DIEKSPORT
CERTIFICATE OF CONFORMITY OF AGRICULTURAL PRODUCE FOR EXPORT

BUTIR-BUTIR MENGENAI PENGEKSPORT / PARTICULARS OF EXPORTER		
Nama / Name: PURECANE MANUFACTURING SDN BHD	Alamat / Address: PKB 103, PARIT NIPAH, PARIT JAWA, 84150 MUAR, JOHOR 84150 MUAR, JOHOR	
No.Pendaftaran/No.Perbadanan* / Registration no./Corporation no*: B752763A	No. Lesen / License no.: No. Permit / Permit no.:	
No. Telefon / Phone no: 074161300	No. Faks / Fax no.:	
BUTIR-BUTIR MENGENAI PENGIMPORT / PARTICULARS OF IMPORTER		
Nama / Name: AH FA	Alamat / Address: SINGAPORE	
BUTIR-BUTIR MENGENAI EKSPORT / PARTICULARS OF EXPORT		
Jenis Keluaran pertanian / Type of Agricultural produce: TEBU	Negara asal / Country of origin:	
Pembungkus / Packer: PURECANE	Tempat eksport / Place of eksport: JOHOR BAHRU	Tarikh Eksport / Date of Export: 19-Oct-2018
Cara pengangkutan / Mode of transport: JALAN RAYA	Destinasi / Destination: SINGAPORE	
Nama Ejen / Agent Name: ZAKIR SDN BHD	No. Telefon Ejen / Agent Phone no:	Kod Ejen / Agent Code: JF0013
PERAKUAN GRED/ GRADE CERTIFICATION		
- MERUJUK LAMPIRAN A - - REFER ATTACHMENT A -		

Kami memperakui bahawa keluaran pertanian yang dinyatakan di atas telah digred, dibungkus dan dilabel mengikut kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan, dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 / *We certify that the agricultural produce specified above have been graded, packaged, and labelled in accordance with the requirements of the Federal Agricultural Marketing Authority (Grading, Packaging, and Labelling of Agricultural Produce) Regulations 2008.*

Dikeluarkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia / *Issued by the Federal Agricultural Marketing Authority of Malaysia.*

Tarikh dan tempat dikeluarkan / <i>Date and place of issue</i>	:	19-Oct-2018	Pejabat FAMA Muar
Nama pegawai diberi kuasa / <i>Name of authorized officer</i>	:	Rosdi bin Ahad	
Tandatangan / <i>Signature</i>	:		

- LAMPIRAN A -

Tarikh Kelulusan: 19-Oct-2018

No. Sijil: STB181019EJ100436

Nama Pemohon : PURECANE MANUFACTURING SDN BHD

No. Permohonan : P181019EJHM0403

Jenis Keluaran pertanian : TEBU

Bil. No.	Keluaran Pertanian <i>Agricultural produce</i>	Bil. Lot <i>Lot no</i>	Rujukan Pemeriksaan <i>Inspection Reference</i>	Saiz <i>Size</i>	Bil. Bungkusan <i>Package Qty</i>	Gred <i>Grade</i>	Diperiksa Oleh <i>Inspected By</i>	Jenis label <i>Labels type</i>	Anggaran berat <i>Approximate weight</i>
1	Tebu	1	SD8837353 /18	M	380 PLASTIC BOX / PLASTIC CARTON / KOTAK PLASTIK	PREMIUM		Sticker	7,980.00 KGM

Lampiran A



No. Sijil: SSS181018IW200789

Jadual Kelima
(Peraturan 8 dan 10)
Fifth Schedule
(Regulation 8 and 10)



PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(PENGGRADAN, PEMBUGKUSAN DAN PELABELAN KELUARAN PERTANIAN) 2008
FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY
(GRADING, PACKAGING AND LABELLING OF AGRICULTURAL PRODUCE) REGULATIONS 2008

SIJIL PERAKUAN PEMATUHAN KELUARAN PERTANIAN YANG DIIMPORT
CERTIFICATE OF CONFORMITY OF AGRICULTURAL PRODUCE FOR IMPORT

BUTIR-BUTIR MENGENAI PENGIMPORT / PARTICULARS OF IMPORTER		
Nama / Name: LCY GOLDEN FRUITS & VEGETABLES	Alamat / Address: 141, JALAN UNION SENTUL, 51100 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN. 51100 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN	
No.Pendaftaran/No.Perbadanan* / Registration no./Corporation no*: A002537375U	No. Lesen / License no.: No. Permit / Permit no.:	
No. Telefon / Phone no: 019-3133095	No. Faks / Fax no:	
BUTIR-BUTIR MENGENAI PENGEKSPORT / PARTICULARS OF EXPORTER		
Nama / Name: FORTH FARM PRODUCE PTY LTD	Alamat / Address: LEITH ROAD TASMANIA 7310	
BUTIR-BUTIR MENGENAI IMPORT / PARTICULARS OF IMPORT		
Jenis Keluaran pertanian / Type of Agricultural produce: SAYUR SEGAR	Negara asal / Country of origin: AUSTRALIA	
Pembungkus / Packer: FORTH FARM PRODUCE PTY LTD	Tempat Import / Place of import: MELBOURNE	Tarikh Import / Date of import: 18-Oct-2018
Cara pengangkutan / Mode of transport: UDARA	Destinasi / Destination:	
Nama Ejen / Agent Name: SW FREIGHT SERVICES SDN BHD	No. Telefon Ejen / Agent Phone no:	Kod Ejen / Agent Code: WF0519
PERAKUAN GRED / GRADE CERTIFICATION		
- MERUJUK LAMPIRAN A - - REFER ATTACHMENT A -		

Kami memperakui bahawa keluaran pertanian yang dinyatakan di atas telah digred, dibungkus dan dilabel mengikut kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan, dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 / We certify that the agricultural produce specified above have been graded, packaged, and labelled in accordance with the requirements of the Federal Agricultural Marketing Authority (Grading, Packaging, and Labelling of Agricultural Produce) Regulations 2008.

Dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia / Malaysian Quarantine And Inspection Services

Tarikh dan tempat dikeluarkan / Date and place of issue : 18-Oct-2018 IMPORT/EKSPORT DAN ZON
BEBAS KLIA

Nama pegawai diberi kuasa / Name of authorized officer : Abdul Azim Mohamad Raib
Tandatangan / Signature :

- LAMPIRAN A -

Tarikh Kelulusan: 18-Oct-2018

No. Sijil: SSS181018IW200789

Nama Pemohon : LCY GOLDEN FRUITS & VEGETABLES


No. Permohonan : P181018IW200842


Jenis Keluaran pertanian : SAYUR SEGAR

Bil. No.	Keluaran Pertanian Agricultural produce	Bil. Lot Lot no	Rujukan Pemeriksaan <i>Inspection Reference</i>	Saiz Size	Bil. Bungkusan Package Qty	Gred Grade	Diperiksa Oleh <i>Inspected By</i>	Jenis label Labels type	Anggaran berat Approximate weight
1	Brokoli	3	SD8832537 /18	L	10 BOX	1		Sticker	1,440.00 KGM
2	Daun saderi	4	SD8832538 /18	M	5 BOX	1		Sticker	320.00 KGM
3	Labu manis	5	SD8832539 /18	M	5 BOX	1		Sticker	200.00 KGM
4	Ubi kentang	6	SD8832540 /18	M	10 BOX	1		Sticker	150.00 KGM

Aliran Sistem eSijil 3P

Proses Aliran Kerja Permohonan Sijil 3P Eksport





Proses Aliran Kerja Permohonan Sijil 3P Import

PROSES ALIRAN KERJA	KETERANGAN (Nota)
<pre> graph TD M((Mula)) --> N1[Rujuk Nota 1] N1 --> N2[Rujuk Nota 2] N2 --> D1{ } D1 -- TAK LENGKAP --> DM[DILARANG MASUK] D1 -- LENGKAP --> N3[Rujuk Nota 3] N3 --> N4[Rujuk Nota 4] N4 --> N5[Rujuk Nota 5] N5 --> N6[Rujuk Nota 6] N6 --> D2{ } D2 -- TIDAK LULUS --> DM D2 -- LULUS --> N7[Rujuk Nota 7] N7 --> N8[Rujuk Nota 8] N8 --> S((Selesai)) </pre>	<p>MULA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengisytiharan 3P (oleh pengimport/agen):- <ul style="list-style-type: none"> - Permohonan Perakuan Pematuhan 3P (Borang PK4 secara eSijil/Manual) - Borang Kastam (K1) melalui SMK/Manual - Permohonan e-Permit 2. Penahanan Konsainan dan Pemeriksaan Dokumen Import:- <ul style="list-style-type: none"> - Penahanan sementara konsainan untuk tujuan pemeriksaan melalui SMK atau/dan Port System atau secara manual. - Borang Kastam (K1) - Semakan Permohonan PK4 (Verify 1 oleh eSijil 3P) - Permit Import (jika perlu) - Sijil Pengesahan 3P Negara Asal - Invois / Bill of Lading / Manifest / Airway Bill - Sijil Tempasal (Country of Origin) - Sijil Fitosanitasi (jika perlu) 3. Bayaran Fi Pemeriksaan Pematuhan dan Bayaran Lain (Mengikut peraturan yang ditetapkan):- <ul style="list-style-type: none"> - Akuan Penerimaan Bayaran – Resit - Rekod Kewangan Mengikut Prosedur - Kadar Fi pemeriksaan berdasarkan kuantiti barang yang diisyiharkan - Bayaran secara online 4. Pemeriksaan Fizikal:- <ul style="list-style-type: none"> - Borang Pemeriksaan (Borang PK4) (sebagai checklist dalam pemeriksaan) - Pemeriksaan secara rawak / tail gates / 100 % - Semakan Semula Permohonan PK4 (Verify 2) (maklumat di dalam dokumen dan fizikal hendaklah sama) 5. Serahkan laporan pemeriksaan 6. Pegawai Pelulus (Approver)

	<ul style="list-style-type: none"> - Meluluskan permohonan perakuan pematuhan (Pegawai Pelulus boleh menolak sebarang permohonan di atas sebab-sebab yang munasabah) <p>7. Mengeluarkan Perakuan Pematuhan 3P (Konsainan yang mematuhi 3P, setelah diluluskan, secara automatik mengeluarkan Sijil Perakuan Pematuhan melalui sistem eSijil)</p> <p>8. Mematuhi Keperluan Akta-Akta Lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167] / - Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, 2010 - Pelepasan konsainan akan dilaksanakan setelah keperluan Undang-undang bertulis lain dipatuhi <p>9. Pelepasan Konsainan (Pelepasan melalui SMK/Port System/Manual)</p> <p>Selesai</p>
--	---